



Published biannually by:
HADITH AND AQIDAH RESEARCH INSTITUTE (INHAD),
Selangor International Islamic University College (KUIS)
Email: jurnalthadis@kuis.edu.my
Web: www.journal.kuis.edu.my/hadis/
Bandar Seri Putra, 43600, Bangi, Selangor (Darul Ehsan) Malaysia.
Tel: 03-8911 7000 Ext: 6129/6130, Fax: 03-8926 6279
Vol. 13, No. 24 (Month 2022)

Analisis Penilaian Kontrastif Terjemahan Kata Nama Khas Terhadap Hadis dalam Kitab *al-Halal wa al-Haram fi al-Islam*

[Analysis of The Proper Noun Translation of The Contrastive Assessment of The Hadith in The Book of *al-Halal wa al-Haram fi al-Islam*]

(Husni Abdullah^{1*}, Muhamad Syukri Abdul Rahman¹, Hishomudin Ahmad²)

¹ Jabatan Pengajian Bahasa & Linguistik Arab, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.

² Jabatan Bahasa Arab & Sastera Islam, Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia.

* Corresponding Author: Husni Abdullah. Jabatan Pengajian Bahasa & Linguistik Arab, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, husni@kuis.edu.my, 0124679582.

Keywords:

Translation, lexical, hadith, assessment, contrastive, semantic-communicative

ABSTRACT

*Hadith is the second highest source in the hierarchy of law intake, understanding and digestion of the hadith of the Arabic language should be clearly understood before the hadith can be appointed as a source of law. In the context of the work of *al-Halal wa al-Haram fi al-Islam* by Sheikh Yusuf al-Qardawi through three editions of the Arabic-Malay translation, it was found that a special noun translation was translated into a non-uniform meaning and word with the lexical word from the source language, which at the same time contributed to the problem of effectiveness and reliability. Due to the misunderstanding of the meaning of the Special Nouns in the complete sentence clause can lead to misunderstandings of the hadith, so this study is conducted to evaluate the quality and accuracy of the special noun translation into the Malay language in the text of the hadith through the translation version. Through this study, the focus on lexical translation functions of the noun is contrasted based on communicative semantic theory aimed at evaluating and measuring the level of efficiency and ability of the target text using the theory and parameters of translation accuracy. Based on the analysis of the sample presented, it was found that communicative semantic theory was generally applied in all three translation editions of *al-halal wa al-haram fi al-Islam*. However, the result of translations made on a number of samples of nouns from these hadiths, some of the wrong and inaccurate translations can be identified in all three translation products. In terms of improper translation (mistranslation), it found about 7.5% occurs in Jahabersa printing, 15% in National Library of Singapore and Pustaka Cahaya Kasturi, while less than 30% undertranslation occurs in Jahabersa printing and less than 10% occurs in the PNS and PCK. The results of this study concluded that the translation of these three printings had several deficiencies that could be enhanced to be easily understood and mastered without significant defects.*

Kata Kunci:

Terjemahan, leksikal, hadis,

ABSTRAK

Hadis merupakan sumber kedua tertinggi dalam hierarki

*penilaian, kontrastif,
semantik-komunikatif.*

pengambilan hukum, kefahaman dan pencernaan maksud hadis daripada bahasa Arab perlu difahami dengan jelas sebelum hadis tersebut boleh diangkat sebagai sumber hukum. Dalam konteks karya *al-Halal wa al-Haram fi al-Islam* karangan Sheikh Yusuf al-Qardawi melalui tiga buah edisi terjemahan Arab-Melayu didapati terjemahan kata nama khas diterjemahkan dalam maksud dan perkataan yang tidak seragam dengan leksikal perkataan tersebut daripada bahasa sumber, sekaligus menyumbang kepada keberkesanan dan kebolehpercayaan karya terjemahan dipertikaikan. Oleh kerana salah faham terhadap makna perkataan kata nama khas dalam klausa ayat lengkap boleh membawa kepada kesilapan pemahaman hadis, justeru itu kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk menilai kualiti dan ketepatan terjemahan kata nama khas ke dalam bahasa Melayu dalam teks hadis melalui versi terjemahan. Melalui kajian ini penelitian fungsi terjemahan leksikal kata nama dianalisis secara kontrastif berpandukan teori semantik komunikatif bertujuan untuk menilai dan mengukur tahap kecekapan dan kebolehpercayaan teks sasaran menggunakan teori dan parameter ketepatan terjemahan. Berdasarkan kepada analisis sampel yang dikemukakan didapati teori semantik komunikatif secara umumnya diterapkan dalam ketiga-tiga edisi terjemahan *al-Halal wa al-Haram fi al-Islam*. Namun hasil daripada sejumlah sampel terjemahan kata nama daripada hadis-hadis tersebut dapat dikenal pasti beberapa terjemahan yang salah dan kurang tepat berlaku dalam ketiga-tiga produk terjemahan tersebut. Dari segi terjemahan yang tidak tepat (*mistranslation*) 7.5% berlaku pada Percetakan Jahabersa, 10% berlaku pada Pustaka Nasional Singapore dan 13.5% Pustaka Cahaya Kasturi, manakala dari sudut terjemahan kurang (*undertranslation*) 27% berlaku pada Percetakan Jahabersa dan kurang 30% berlaku pada PNS dan 3% PCK. Hasil penelitian ini menyimpulkan hasil terjemahan ketiga-tiga percetakan tersebut memiliki beberapa kekurangan yang boleh dipertingkatkan lagi agar mudah difahami dan dikuasai dengan lebih berkesan tanpa sebarang kecacatan yang ketara.

Received: October 30,2022

Accepted: November 30,2022

Online Published: December 31,2022

1. Pendahuluan

Dalam disiplin ilmu Islam kedudukan hadis merupakan rujukan tertinggi setelah al-Quran al-Karim dan ianya berperanan besar dalam memperincikan pengertian al-Quran itu sendiri. Memahami dan menghayati pengertian seelok-belok maksud hadis merupakan suatu tanggungjawab dan kewajiban bersama, terutamanya bagi para ahli ilmu. Namun demikian, kekangan penguasaan bahasa Arab yang terhad sudah pasti edisi terjemahan merupakan pilihan utama penuntut ilmu dan pembaca dalam memahami intipati hadis. Atas faktor itu aktiviti terjemahan merupakan medium utama yang amat berguna dalam membantu masyarakat Islam khususnya di Malaysia untuk mendalami agama. Dengan adanya buku-buku agama terjemahan khususnya terjemahan hadis di pasaran pada hari ini, ianya dilihat dapat membantu dan memudahkan usaha penyebaran ilmu pengetahuan dengan lebih luas dan berkesan.

Pada dasarnya dari tahun ke tahun terjemahan buku-buku berkaitan agama dalam bahasa Melayu semakin meningkat. Hal ini disebabkan oleh kerana masyarakat setempat amat dahagakan ilmu pengetahuan di samping kekurangan yang ketara dalam penguasaan bahasa Arab. Sudah pastinya buku-buku agama dalam setiap disiplin ilmu dalam bentuk terjemahan merupakan satu wacana penghubung antara ilmu pengetahuan. Justeru itu, keberkesanan terjemahan bergantung kepada kemampuan penterjemah dalam menyampaikan



maklumat yang tepat daripada bahasa sumber. Namun demikian, dengan ilmu pengetahuan yang cetek dan kemampuan yang terhad dalam penguasaan bahasa Arab khususnya di kalangan masyarakat bukan penutur, tidak semua pembaca dapat menerokai karya karangan ulama besar dari sumber aslinya

2. Pernyataan Masalah

Bidang penterjemahan dilihat sebagai jalur utama perluasan ilmu pengetahuan yang melangkaui sempadan bahasa, budaya, geografi dan masa. Dalam konteks terjemahan Arab-Melayu keberadaan edisi terjemahan kitab-kitab agama merupakan satu keperluan bagi membantu pembaca-pembaca yang tidak mahir dalam bahasa Arab khususnya para pendakwah dan guru agama (Haziyah Hussin & Muhammad Hadi Moin bin Abdul Latiff 2020). Umum mengetahui bahawa teks berteraskan agama bersifat qudus yang harus dipertahankan elemen estetikanya dan kandungannya apabila melibatkan ayat-ayat al-Quran serta tidak mudah ditafsirkan kecuali pentafsirnya seorang yang ahli dalam bidang tersebut. Begitu juga dengan hadis yang bersumberkan wahyu dan disabdakan oleh Rasulullah SAW yang sarat dengan mesej aqidah, hukum, akhlak dan lain-lain. Namun begitu, berlegar beberapa isu dalam terjemahan khususnya hadis, antaranya fenomena terjemahan yang terlalu ditokok-tambah sehingga terkeluar dari makna asal, terjemahan ketaksaan dari segi makna dan struktur dalam ertikata menimbulkan kekaburan makna, serta penggunaan ciri-ciri linguistik yang tidak perlu dan adakalanya mencemarkan makna atau struktur sesuatu ayat (Kardimin 2013).

Dalam konteks terjemahan frasa kata nama khas sejumlah sampel daripada hadis-hadis terpilih dalam kitab *al-Halal wa al-Haram fi al-Islam* melalui tiga buah karya terjemahan yang ada di pasaran pada hari ini cetakan Pustaka Cahaya Kasturi, Nilai, Negeri Sembilan (2014), Pustaka Nasional Singapore (2014), Perniagaan Jahabersa Johor Bahru (2009) telah diteliti. Hasil yang dilakukan mendapati terdapat perbezaan yang ketara dalam pemindahan maksud ke dalam bahasa Melayu. Memetik satu contoh perkataan حوت dalam sebuah hadis yang terdapat di dalam edisi terjemahan edisi PNS dan PCK menterjemahkan dengan maksud jerung sedangkan maksud leksikal sebenar adalah ikan paus. Secara tidak langsung ia membuktikan kredibiliti dan keabsahan produk terjemahan tersebut boleh dipertikaikan dan sekaligus memberikan kesan negatif kepada pembaca yang tidak menguasai bahasa sumber. Oleh itu suatu penilaian bersifat perbandingan perlu dilakukan untuk melihat dan memberikan penarafan akademik kepada hasil karya yang bermutu dan akurat.

3. Objektif Kajian

Kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk mengkaji aspek penilaian kata nama dengan mensasarkan satu objektif utama untuk menilai aspek kualiti dan ketepatan terjemahan kata nama khas ke dalam bahasa Melayu dalam teks hadis melalui versi terjemahan terjemahan Pustaka Jahabersa (PJ), Pustaka Nasional Singapura (PNS) dan Pustaka Cahaya Kasturi (PCK).

4. Skop Kajian

Kajian ini dilakukan secara penyelidikan kualitatif berbentuk deskriptif berasaskan analisis dokumen daripada produk terjemahan. Tumpuan kajian ini berlatarbelakangkan teks terjemahan "*al-Halal wa al-Haram Fi al-Islam*" karangan ulama ulung Sheikh Yusuf al-Qaradhawi yang diterjemahkan oleh Zulkifli al-Bakri cetakan Pustaka Cahaya Kasturi (PCK), Syed Ahmad Semait cetakan Pustaka Nasional Singapura (PNS) dan Abu Jabir Muhammad cetakan Pustaka Jahabersa (PJ) yang telah diterbitkan dalam bentuk bahan bercetak.

Skop kajian ini adalah bersumberkan teks terjemahan bahan bercetak, berlatarbelakangkan teks agama dengan mensasarkan aspek kontrasif penilaian hasil terjemahan sebagai tunjang utama. Terjemahan bahan bercetak merupakan terjemahan yang melibatkan proses terjemahan atau produk yang dibukukan melalui proses penterjemahan yang dilakukan oleh manusia. Namun elemen yang melibatkan prosedur dan proses terjemahan merupakan sasaran utama dalam kajian ini.

5. Sorotan Kajian

Kajian dan penulisan yang berkaitan dengan aspek penilaian terjemahan secara kontrasif telah dibincangkan oleh sarjana, ilmuan dan pengkaji dalam konteks konseptual dan teoretikal yang disorot melalui sumber-sumber tertentu. Oleh itu, sebahagian kajian tersebut disorot semula untuk mencari ruang kajian yang boleh diisi dan akhirnya memberikan suatu dapatan baru yang bernilai. Kajian Khairul Anhar et. al (2020) menggunakan



metode kontrasitif untuk mengkaji kesalahan-kesalahan terjemahan hadith-hadith daripada kitab *al-Jami'* di dalam *Bulughul Maram* dari aspek *dilalah*. Perkara yang sama berlaku dalam kajian Abdul Muiz Ahmad et. al (2020) dalam *terjemahan teks Bab Solat daripada Kitab Bahrul Mazi* dan kajian Mohd Fahimi Zakaria (2020) yang menasaskan kaedah terjemahan kata kerja dalam *Tafsir Nur al-Ihsan*. Hasil kajian mereka mendapati terdapat banyak kesalahan tatabahasa selain teknik terjemahan terhadap kitab-kitab lama atau kuning masih dalam takuk lama iaitu terjemahan harfiah. Kajian berasaskan kontrasitif terjemahan teks agama juga dilakukan oleh Nor Huwaida Mohd Hasan et. al (2020) yang menasaskan terjemahan kata nama khas Arab- Melayu. Dalam dapatan kajian mereka merumuskan dapatan yang hampir sama dengan dua kajian sebelumnya, di mana terjemahan harfiah digunakan secara berlebihan dalam setiap terjemahan kata nama khas menyebabkan perkataan yang diterjemah menjadi kabur dan kurang jelas. Secara tidak langsung ia menyebabkan pembaca keliru dan bahasa teks terjemahan tidak lancar.

Namun demikian, aplikasi teori terjemahan kontrasitif dalam kajian Khairul Anhar et. al (2020) dan Nor Huwaida Mohd Hasan et. al (2020) tidak mengemukakan kaedah dan parameter pengukuran tertentu kepada tahap-tahap kesukaran, kesilapan dan seumpamanya membawa kepada keraguan atau ketidakjelasan konsep kontrasitif itu sendiri. Justeru wujudnya kelompongan di situ dan satu kajian komprehensif perlu dilakukan untuk menjawab fenomena yang mempengaruhi kesulitan-kesulitan terjemahan teks agama Arab Melayu, khususnya kata nama tersebut daripada aspek kehilangan makna, terjemahan yang berbeza, terjemahan yang tidak dapat menyampaikan makna, terjemahan yang terlalu ditokok-tambah dan terjemahan ketaksaan menggunakan teori dan parameter tertentu.

Seterusnya kajian Sahrulazmi Sidek (2015) dan Mohd Manawi (2018) melalui tesis mereka di peringkat ijazah kedoktoran bersumberkan teks agama. Namun, kedua-dua kajian tersebut merupakan kajian terjemahan berorientasikan suntingan ilmiah. Tujuan dilakukan demikian untuk memudahkan usaha rujukan kepada teks sumbernya dengan menambahkan tanda wacana, melengkapkan struktur, menggantikan tanda-tanda koma supaya lebih difahami para pembaca di samping melakukan nota tambahan dan komentar. Dalam konteks kajian Sahrulazmi Sidek (2015) secara khusus, mendapati terjemahan perkataan daripada teks sumber ejaannya datang dalam pelbagai bentuk dan ragam. Justeru, ianya sukar dihadap sepenuhnya kerana penterjemah Rehlah Ibn Battutah cenderung menggunakan strategi pinjaman budaya dengan meniru konsonan bunyi bahasa sumber.

Kajian lepas Khairul Anhar et. al (2020), Nor Huwaida Mohd Hasan et. al (2020) dan Mohd Manawi (2018) melakukan analisis terjemahan pada tingkatan terjemahan frasa, klausa dan ayat. Terdapat satu lagi tahap analisis yang belum dikemukakan iaitu pada tingkatan perkataan dan frasa. Walaupun kajian Sahrulazmi Sidek (2015) menjurus kepada tingkatan perkataan namun kajian beliau berasaskan kaedah suntingan pada tingkatan terjemahan perkataan daripada teks sumber. Justeru itu, analisis terjemahan pada tingkatan perkataan dan frasa perlu dijalankan bagi membuktikan analisis terjemahan pada tingkatan perkataan dan frasa boleh menjawab kepada fenomena kesulitan-kesulitan terjemahan teks agama.

Justeru itu, berdasarkan daripada kajian-kajian yang dikemukakan sebelumnya dapat dikenal pasti kelompongan yang masih terbuka dan satu kajian komprehensif perlu dilakukan untuk menjawab fenomena yang mempengaruhi kesulitan-kesulitan terjemahan teks agama Arab Melayu, khususnya kata nama khas tersebut daripada aspek kehilangan makna, terjemahan yang berbeza, terjemahan yang tidak dapat menyampaikan makna, terjemahan yang terlalu ditokok-tambah dan terjemahan ketaksaan menggunakan teori tertentu dan parameter tertentu.

6. Metodologi Kajian

Reka bentuk kajian adalah berasaskan kajian kualitatif deskriptif beroreintasikan kepada produk terjemahan sebagai hasil kognitif penterjemahan dengan melakukan perbandingan terjemahan kata nama (KN) daripada hadis-hadis yang terdapat dalam Kitab *al-Halal wa al-Haram Fi al Islam* yang telah dialih bahasa dari bahasa Arab ke bahasa Melayu. Kajian ini bertitik olak dari landasan konsep teori terjemahan semantik-komunikatif Peter Newmark (1988), teori analisis kontrasitif (CA) Robert Lado (1975) dan penilaian kualiti terjemahan yang diperkenalkan oleh House (1997) dan kemudiannya telah dikembangkan oleh Magatur Nababan (2012) dan parameter ketepatan terjemahan yang dicadangkan oleh Mohd. Mokhtar Ahmad dan Basil Wijasuriya (1982).

Oleh itu penganalisan sampel dilakukan berasaskan aspek semantik komunikatif dengan melakukan perbandingan padanan terjemahan dalam sejumlah sampel KN Arab-Melayu dengan menerapkan teori kontrasitif yang diperkenalkan oleh Robert Lado (1975) sebagai prinsip umum kajian. Manakala analisis kontrasitif pula berperanan sebagai salah satu tatacara untuk mencari persamaan dan perbezaan yang terdapat dalam satu rumpun bahasa yang berbeza atau lebih tepat, dengan mengkaji unsur-unsur kebahasaan bertujuan untuk mengetahui persamaan dan perbezaan yang terdapat dalam unsur bahasa tersebut. Umumnya perbandingan



antara dua bahasa dalam analisis kontradik itu adalah menjurus kepada bentuk-bentuk yang ada dalam sistem bahasa, iaitu fonologi, morfologi, leksikal, sintaksis dan semantik (Baharudin Shahman 2012).

Dalam menentukan penilaian kualiti dan ketepatan terjemahan kajian ini menggunakan teori penilaian kualiti terjemahan yang dicadangkan oleh Nababan (2012) dan menerapkan parameter ketepatan terjemahan yang dicadangkan oleh Mohd. Mokhtar Ahmad dan Basil Wijasuriya (1982) untuk mendapatkan hasil yang terbaik dan boleh diukur.

7. Terjemahan Kata Nama Khas

Kata nama khas menurut Nik Safiah Karim et. al (2002) dalam morfologi Bahasa Melayu mendukung makna rujukan khusus kepada sesuatu nama orang, haiwan, institusi, undang-undang, bangsa, bahasa, dan seumpamanya. Definisi yang hampir serupa diberikan dalam tatabahasa Arab iaitu tiap-tiap lafaz yang menunjuk kepada makna manusia, atau haiwan atau tumbuhan atau benda mati atau sesuatu yang lain (Al-Jurjani: 1984).

Berdasarkan kepada ciri-ciri semantik kata nama secara umum boleh dibahagikan kepada kata nama khas, kata nama am dan kata ganti nama. Hanya kata nama khas sahaja dibincangkan dalam kajian ini dari sudut terjemahan semantik-komunikatif Arab-Melayu kerana kata nama khas memainkan peranan penting dalam komponen ayat dalam kebanyakan bahasa di dunia ini termasuk bahasa Arab. Kata nama khas ialah medium budaya yang kaya dengan konotasi budaya dan dapat memaparkan identiti budaya bangsa. Terjemahan kata nama khas memperlihatkan bahasa, sejarah, geografi, politik, adat resam sesuatu bangsa dan sebagainya. Proses penterjemahan kata nama Arab ke Melayu tidak sewajarnya dipandang mudah kerana setiap unit kata nama mempunyai makna yang tersendiri dan terkandung sesuatu maklumat yang tidak dapat dilihat secara tersurat serta merujuk kepada fungsi dan makna tertentu yang perlu difahami berdasarkan budayanya. Kesukaran paling utama dalam penterjemahan adalah dari segi leksikal dan bukannya tatabahasa. Leksikal menurut Newmark (1988) termasuk kolokasi, perkataan dan peribahasa termasuk unsur neologisme dan perkataan yang tidak dapat didefinisikan. Menurut beliau lagi kebanyakan kata nama khas mempunyai empat jenis makna iaitu fizikal atau material, figuratif, teknikal dan kolokial yang dikaitkan dengan kolokasi dan peribahasa.

Oleh itu pendekatan semantik dilihat dapat memberi lebih pemberatan terhadap nilai estetika teks bahasa sumber kerana terjemahannya berkisar kepada budaya asal dan cenderung untuk memberi terjemahan yang lebih khusus daripada yang asal. Manakala pendekatan komunikatif pula membantu proses terjemahan makna kontekstual teks asal dengan tepat supaya isi kandungan dan bahasa mudah diterima dan difahami oleh pembaca (Newmark 1988).

8. Penilaian terhadap Kebolehsampaian Makna Terjemahan

Penilaian menurut Kamus Dewan (2004: 2896) bermaksud perbuatan atau hal menilai dan menaksir sesuatu perkara. Dalam konteks terjemahan penilaian berkait rapat dengan kualiti sama ada proses atau produk terjemahan itu baik, memuaskan, boleh diterima dan pelbagai lagi tahap-tahap lain yang mengikut aspek yang dinilai.

Menurut Larson (1984) edisi terjemahan sesebuah karya dapat ditentukan kualiti dan keabsahannya melalui tiga faktor utama iaitu ketepatan terjemahan, jelas dan kewajaran penggunaan ayat yang bersesuaian dengan tatabahasa bahasa sasaran. Oleh yang demikian unsur ketepatan karya terjemahan perlu dititik beratkan dan antara penentu kepada ketepatan suatu terjemahan adalah faktor padanan makna bahasa sumber kepada bahasa sasaran serta dinamikanya terjemahan tersebut kepada golongan sasar yang membacanya.

Sarinah (2001) berpendapat sesuatu terjemahan yang baik mampu menggarap maksud sebenar pengarang buku yang diterjemahkan dengan tepat serta dapat difahami sepenuhnya oleh pembacanya. Sebaliknya, sesuatu terjemahan dianggap kurang berjaya sekiranya terjemahan tersebut menyimpang daripada daripada maksud yang diinginkan pengarang asalnya. Dalam erti kata lain, sesuatu terjemahan yang bermutu tinggi ialah terjemahan yang memperlihatkan ketepatan terjemahan seratus peratus yang tidak sedikit pun menyeleweng daripada maksud sebenar pengarang asalnya. Manakala Ainon Mohamad (1979) menyatakan ukuran sama ada sesuatu terjemahan itu betul atau salah ditentukan oleh pembaca yang dimaksudkan iaitu sama ada mereka memahami dengan tepat terjemahan tersebut dan yang dititikberatkan bukan setakat pembaca mungkin faham, tetapi supaya pembaca pasti faham dengan apa yang dimaksudkan dalam terjemahan tersebut.



Nababan (2012) berpendapat pakar-pakar teori terjemahan sependapat bahawa suatu teks terjemahan dianggap berkualiti jika memenuhi piawaian berikut: Teks sasaran tepat dan jitu dari segi isinya dengan teks sumber (*accuracy*), Teks sasaran dikemukakan secara sempurna berasaskan tatabahasa pembaca sasaran (*target reader*) dan tidak bertentangan dengan budaya dan norma mereka (*acceptability*) dan teks sasaran dapat difahami dengan jelas dan mudah oleh pembaca sasaran (*readability*).

Mohd. Mokhtar Ahmad dan Basil Wijasuriya (1982) mencadangkan suatu parameter yang boleh digunakan untuk mengenal pasti penilaian ketepatan terjemahan. Menurut mereka berdua penilaian ketepatan sesuatu terjemahan harus merangkumi pelbagai masalah yang mungkin timbul seperti ketepatan penyampaian, mudah difahami, adanya persamaan dari segi budaya, penggunaan bahasa dan sebagainya. Mereka berdua juga mencadangkan penilaian terjemahan itu dibahagikan kepada tiga aspek:

1. Persamaan dari segi unit terjemahan (*translational unit*):

Apabila sesuatu teks telah disegmenkan, persamaan bagi unit-unit terjemahannya hendaklah dicari dan dinilai. Penilaian terjemahan itu perlu menimbangkan sama ada persamaan yang diberi itu:

- (a) Betul atau salah seperti yang digunakan di dalam teks asal.
- (b) Pemilihan perkataan yang sesuai bagi konteks yang diberi.

2. Penggunaan bahasa

Lima garis panduan untuk menilai terjemahan dalam menentukan kesalahan-kesalahan penggunaan bahasa ialah dari segi:

- (a) Struktur ayat
- (b) Tatabahasa
- (c) Bentuk perkataan
- (d) Susunan perkataan
- (e) Ejaan

3. Ketepatan penyampaian:

Kekurangan-kekurangan penyampaian pula terdiri daripada:

- (a) Salah terjemahan (*mistranslation*) iaitu terjemahan yang berbeza dari makna asal dalam teks bahasa sumber. Kesalahan ini mungkin disebabkan penterjemah lemah dalam bahasa sumber dan tidak dapat memahami mesej yang sebenar dalam teks sumber itu. Terjemahan yang mengelirukan ini bukan sahaja menunjukkan penguasaan bahasa sumber bahkan bahasa sasaran juga tidak begitu baik.
- (b) Terjemahan yang kurang (*undertranslation*) iaitu terjemahan yang tidak dapat menyampaikan makna teks bahasa sasaran itu sepenuhnya. Penterjemah mungkin menulis ayat yang panjang dan berbelit-belit tetapi makna teks itu masih tidak dapat disampaikan keseluruhannya.
- (c) Terjemahan yang melampau (*overtranslation*) iaitu terjemahan yang terlalu ditokok-tambah sehingga terkeluar dari makna asal.
- (d) Terjemahan ketaksaan (*ambiguity*) dari segi makna dan struktur dalam ertikata menimbulkan keaburan makna.
- (e) Kata mubazir (*redundancy*) iaitu penggunaan ciri-ciri linguistik yang tidak perlu dan adakalanya mencemarkan makna atau struktur sesuatu ayat.

Justeru itu, dalam konteks penilaian terjemahan kata nama khas dalam kajian ini teori penilaian kualiti terjemahan yang dicadangkan oleh Nababan (2012) dan parameter ketepatan terjemahan yang dicadangkan oleh Mohd. Mokhtar Ahmad dan Basil Wijasuriya (1982) dipraktikkan untuk mengenal pasti aspek kualiti dan ketepatan terjemahan.

9. Dapatan Kajian

Kajian ini memfokuskan kepada aspek terjemahan (linguistik gunaan) dengan menggunakan data yang sedia ada daripada edisi terjemahan untuk mengkaji dengan lebih objektif, sistematik dan kuantitatif terhadap kandungan bertulis tersebut. Secara khususnya, pendekatan analisis kandungan digunakan untuk mendapatkan dan menyelidik kata nama khas yang terdapat dalam korpus yang dikaji.

Sejumlah 30 sampel kata nama khas yang terpilih daripada sejumlah 53 hadis-hadis yang terkandung di dalamnya kata nama dalam pelbagai kategori dan mengandungi fenomena padanan terjemahan pada tahap leksikal kata nama dianalisis secara kontrasif. Penganalisan dilakukan secara berperingkat dan mengikut tahap tertentu, bermula dengan peringkat mengklasifikasikan padanan terjemahan kata nama khas bahasa Melayu



dengan kata nama khas bahasa Arab secara analisis kontrastif. Peringkat ini bertujuan menentukan aspek kesamaan dan perbezaan terjemahan di antara kedua-dua bahasa Arab dan Melayu. Peringkat kedua ialah peringkat mengenal pasti padanan makna, metode penterjemahan dan teknik yang digunakan oleh penterjemah dalam terjemahannya, serta menilai sejauh manakah teknik ini memberi kesan kepada output terjemahan. Sekaligus dalam peringkat ini merumuskan aspek penilaian kualiti dan ketepatan terhadap terjemahan dan dapatan-dapatan penting lain yang terhasil daripada kajian yang dilaksanakan.

Daripada aspek penilaian kualiti padanan terjemahan kata nama khas, secara khusus terjemahan yang memenuhi keseluruhan piawaian ketepatan (*accuracy*), keberterimaan (*acceptability*) dan tahap keterbacaan tinggi (*readability*) didahului oleh PCK dengan 18 atau 60% sampel memenuhi keseluruhan piawaian daripada keseluruhan 30 sampel yang dikemukakan, PNS dengan 15 sampel atau 50% dan PJ dengan 10 atau 33% sampel. Manakala dari aspek ketepatan (*accuracy*) terjemahan PNS dengan 11 sampel atau 37%, PCK dengan 9 sampel atau 30% dan PJ dengan 10 sampel atau 33% adalah tidak memenuhi keseluruhan piawaian. Dari aspek keberterimaan (*acceptability*) pula terjemahan PNS dengan 10 sampel atau 33%, PCK dengan 6 sampel atau 20% dan PJ dengan 14 sampel atau 46% tidak memenuhi keseluruhan piawaian.

Dengan berlakunya kelemahan dari aspek kualiti terjemahan ianya memberi kesan kepada aspek ketepatan terjemahan secara langsung. Secara statistiknya kelemahan paling ketara dalam parameter ketepatan terjemahan berpunca daripada terjemahan yang kurang (*undertranslation*) dalam edisi PNS dengan 9 sampel, PCK dengan 1 sampel dan PJ dengan 8 sampel, salah terjemahan (*mistranslation*) dalam edisi PNS dengan 3 sampel, PCK dengan 4 sampel dan PJ dengan 6 sampel dan ketaksaan (*ambiguity*) dalam edisi PNS dengan 2 sampel, PCK dengan 1 sampel dan PJ dengan 6 sampel.

Hasil kajian mendapati majoriti kelemahan terjemahan daripada 22 sampel berada dalam kategori terjemahan yang kurang (*undertranslation*). Dalam erti kata lain padanan terjemahan tidak dapat menyampaikan makna teks sasaran dengan sepenuhnya disebabkan sama ada faktor ketepatan (*accuracy*), keberterimaan (*acceptability*), keterbacaan (*readability*) atau kombinasi daripada ketiga-tiga faktor tersebut. Dapatan ini membuktikan bahawa kelemahan kombinasi daripada aspek ketepatan (*accuracy*) dan keberterimaan (*acceptability*) menyumbang kepada majoriti sampel di mana berlakunya terjemahan yang kurang (*undertranslation*). Hal ini membuktikan untuk sampai kepada peringkat paling sempurna dalam penterjemahan adalah sukar dan hampir mustahil. Justeru dengan analisis dan ketelitian sahaja dapat membantu kerja-kerja penterjemahan mencapai tahap yang memuaskan dan berkualiti tinggi.

Hasil kajian juga mendapati sebanyak 6 sampel berada dalam kategori salah terjemahan (*mistranslation*). Masalah utama yang dapat dikenal pasti dalam aspek ini berpunca daripada sampel tersebut ditinggalkan tanpa sebarang padanan terjemahan seperti sampel 2 atau menyimpang daripada maksud sebenar secara padanan makna leksikal atau makna tekstual seperti pada sampel 3. Dapatan ini membuktikan walaupun kesilapan dalam aspek ini amat kecil bilangannya namun faktor kecuaiian dilihat menjadi penyebab utama kepada berlakunya masalah ini. Justeru aspek ketelitian dalam melakukan kerja penterjemahan perlu diutamakan.

Hasil kajian juga mendapati berlakunya terjemahan melampau seperti sampel 6 di mana terjemahan terlalu ditokok-tambah sehingga terkeluar dari makna asal. Masalah utama dalam kategori ini disebabkan kekaburan makna yang terhasil daripada padanan yang tidak mencapai piawaian kualiti. Justeru dalam konteks ini pada pengkaji pentingnya kewibaaan penterjemah menganalisis terlebih padanan makna yang bersesuaian khususnya makna tekstual. Ini kerana teks agama berbentuk umum dan perlu diperhalusi melalui tafsiran dan syarahan ulama dalam kes tertentu.

10. Bentuk Penganalisisan Sampel

Analisis, huraian dan rumusan penilaian yang dikemukakan di sini adalah sebahagian daripada keseluruhan sampel yang dikaji. Analisis dan dapatan kajian ini untuk memenuhi objektif yang telah disasarkan berdasarkan hasil analisis teks PJ, PNS dan PCK secara manual dan seterusnya menghuraikan hasil pemerhatian terhadap perbandingan bentuk antara keduanya (kata nama BA dan kata nama BM) yang dibuat secara deskriptif. Berikut adalah sebahagian contoh-contoh transkripsi hadis bahasa sumber, terjemahan dan penilaiannya.

Sampel 1

رؤوسهن كأسنمة البخت المائلة

Terjemahan PJ: Kepala mereka tinggi lonjong seperti punuk unta.

Terjemahan PNS: Kepala mereka tinggi lonjong seperti bonggol unta.



Terjemahan PCK: Kepala mereka tinggi lonjong seperti bonggol unta.

Penilaian: Melalui parameter kualiti dan ketepatan penyampaian maksud padanan terjemahan أسنمة dalam edisi PNS dan PCK aspek terjemahan adalah tepat dan menepati piawaan terjemahan berkualiti seperti yang dicadangkan Nababan (2012). Ianya bermula daripada ketepatan (*accuracy*) dalam erti kata leksikal tersebut mempunyai makna atau pesan yang sama dengan teks bahasa sumber, keberterimaan (*acceptability*) dalam erti kata leksikal tersebut dihidangkan kepada pembaca sasaran sesuai dengan dengan kaedah bahasa, resam dan budaya yang berlaku dalam bahasa sasaran dan tahap keterbacaan tinggi (*readability*) dalam erti kata leksikal tersebut dapat dapat dibaca, dihadam sepenuhnya dan difahami. Justeru terjemahan leksikal أسنمة kepada bonggol adalah tepat dan memadai. Namun, terjemahan PJ dari aspek keberterimaan (*acceptability*) agak tersasar daripada maksud yang ingin disampaikan kepada pembaca sasaran kerana perkataan tersebut boleh menimbulkan keraguan kepada pembaca. Keraguan tersebut mungkin timbul dalam bentuk persoalan apakah yang dimaksudkan dengan perkataan punuk?. Ini kerana perkataan punuk merujuk Kamus Besar Indonesia edisi online di <https://kbbi.web.id/punuk> bermaksud daging yang menonjol pada tengkuk (unta, lembu, dan sebagainya). Justeru padanan tersebut cenderung kepada bahasa Indonesia walaupun membawa maksud yang sama secara tidak langsung, makna perkataan tersebut kurang sampai kepada maksud. Melalui parameter ketepatan penyampaian maksud KNK punuk dalam cetakan PJ boleh dikategorikan sebagai salah terjemahan yang kurang (*undertranslation*), iaitu terjemahan yang tidak dapat menyampaikan makna teks bahasa sasaran itu sepenuhnya.

Sampel 2

ما أحب أن يفوقني أحد بشرائك نعل

Terjemahan PJ: Aku tidak ingin orang lain mengatasi kecantikanku.

Terjemahan PNS: Aku tidak ingin orang lain mengatasi kecantikanku meskipun dengan seutas tali kasut.

Terjemahan PCK: Aku tidak ingin orang lain mengatasi kecantikanku meskipun dengan seutas tali kasut.

Penilaian:

Melalui parameter kualiti dan ketepatan penyampaian maksud padanan terjemahan شرك النعل dalam edisi PNS dan PCK aspek terjemahan adalah tepat dan menepati piawaan terjemahan berkualiti seperti yang dicadangkan Nababan (2012) dari sudut ketepatan (*accuracy*) dan tahap keterbacaan tinggi (*readability*). Namun dari sudut keberterimaan (*acceptability*) pada pengkaji agak kurang memenuhi aspek tersebut disebabkan oleh kekaburan maksud yang ingin disampaikan melalui metafora. Maksud figuratif dari kinayah dalam perkataan tersebut adalah kecantikan amat dekat dengan dirinya seperti mana dekatnya kasut dengan pemakainya. Ini kerana tali kasut merupakan kinayah bagi menggambarkan betapa dekatnya seorang pemakai dengan kasut tersebut. Justeru terjemahan ini boleh dikategorikan sebagai salah terjemahan yang kurang (*undertranslation*), iaitu terjemahan yang tidak dapat menyampaikan makna teks bahasa sasaran itu sepenuhnya. Edisi terjemahan PJ agak tersasar jauh dari asal tujuan melakukan kerja-kerja terjemahan. Dengan meninggalkan perkataan tersebut secara langsung membuktikan bahawa aspek ketepatan langsung tidak wujud. Kebarangkalian berlakunya kecuaiian manusia adalah tinggi dan perlu diperbaiki pada cetakan akan datang. Justeru terjemahan seperti ini boleh dikategorikan sebagai salah terjemah (*mistranslation*).

Sampel 3

أن النبي صلى الله عليه وسلم بعث سرية من أصحابه فوجدوا جوتا كبيرا قد جزر عنه البحر-أي ميتا- فأكلوا منه

Terjemahan PJ: Bahawa Nabi SAW mengirim utusannya dari kalangan sahabat. Para utusan di tengah perjalanan ternyata menjumpai ikan paus besar terdampar di pantai dan sudah mati mereka pun memakannya.

Terjemahan PNS: Bahawasanya Nabi SAW pernah mengirim satu pasukan peronda dari para sahabat lalu mereka menemui seekor jerung besar yang telah dilemparkan laut ke pantainya dan jerung itu telah mati maka para sahabat telah memakan daripadanya.

Terjemahan PCK: Bahawasanya Nabi SAW pernah mengirim satu pasukan peronda dari para sahabat lalu mereka menemui seekor jerung besar yang telah dilemparkan laut ke pantainya dan jerung itu telah mati maka para sahabat telah memakan daripadanya.

Penilaian:

Melalui parameter kualiti dan ketepatan penyampaian maksud padanan terjemahan حوت dalam edisi PJ aspek terjemahan adalah tepat dan menepati piawaan terjemahan berkualiti seperti yang dicadangkan Nababan (2012) bermula daripada ketepatan (*accuracy*) dalam erti kata leksikal tersebut mempunyai makna atau pesan yang sama dengan teks bahasa sumber, keberterimaan (*acceptability*) dalam erti kata leksikal tersebut dihidangkan kepada pembaca sasaran sesuai dengan dengan kaedah bahasa, resam dan budaya yang berlaku dalam bahasa sasaran dan tahap keterbacaan tinggi (*readability*) dalam erti kata leksikal tersebut dapat dapat dibaca, dihadam sepenuhnya dan difahami. Justeru terjemahan perkataan tersebut kepada paus adalah tepat dan memadai. Namun demikian, terjemahan edisi PNS dan PCK dari aspek ketepatan (*accuracy*) agak longgar dan tidak tepat. Justeru terjemahan ini boleh dikategorikan sebagai salah terjemahan (*mistranslation*), iaitu terjemahan yang berbeza dari makna asal dalam teks bahasa sumber atau kekurangan disebabkan dengan kecuaiian tanpa menterjemah ayat, frasa atau perkataan.

Sampel 4

إذا رميت بالمعروض فحزق فكل

Terjemahan PJ: Jika kamu melempar lembing lalu binatang itu terkoyak tembus ke dalam tubuhnya maka makanlah.

Terjemahan PNS: Jika engkau melempar dengan panah tebal lalu ia menusuk ke tubuh binatang itu maka bolehlah engkau makan.

Terjemahan PCK: Jika kamu menggunakan panah tersebut lalu ianya menusuk ke badan binatang buruan itu maka bolehlah kamu makan.

Penilaian:

Melalui parameter kualiti dan ketepatan penyampaian maksud padanan terjemahan المعروض dalam edisi PNS, PJ dan PCK aspek terjemahan adalah tidak menepati piawaan terjemahan berkualiti seperti yang dicadangkan Nababan (2012) dari sudut ketepatan (*accuracy*) dan keberterimaan (*acceptability*). Pada pengkaji kekurangan yang berlaku disebabkan objek yang disepadankan dengan leksikal المعروض kerana yang dimaksudkan dalam konteks ayat bukan senjata tajam. Hal ini dikukuhkan lagi dengan kata kerja حزق dalam hadis tersebut yang bermaksud terbunuh disebabkan senjata tumpul seperti tongkat, batu atau seumpamanya. Maka larangan memakan binatang buruan tersebut sekiranya mati disebabkan terpuak dengan objek tersebut secara melintang sekiranya diletakkan besi tajam. Justeru terjemahan ini boleh dikategorikan sebagai salah terjemahan yang kurang (*undertranslation*), iaitu terjemahan yang tidak dapat menyampaikan makna teks bahasa sasaran itu sepenuhnya.

Sampel 5

لا ضرر ولا ضرار

Terjemahan PJ: Tidak ada kerugian dan merugikan orang lain.

Terjemahan PNS: Tidak boleh membuat bahaya dan membahayakan.

Terjemahan PCK: Tidak boleh membuat bahaya dan membahayakan orang lain.

Penilaian:

Melalui parameter kualiti dan ketepatan penyampaian maksud padanan terjemahan ضرر dalam edisi PNS dan PCK aspek terjemahan adalah tepat dan menepati piawaan terjemahan berkualiti seperti yang dicadangkan Nababan (2012) bermula daripada ketepatan (*accuracy*) dalam erti kata leksikal tersebut mempunyai makna atau pesan yang sama dengan teks bahasa sumber, keberterimaan (*acceptability*) dalam erti kata leksikal tersebut dihidangkan kepada pembaca sasaran sesuai dengan dengan kaedah bahasa, resam dan budaya yang berlaku dalam bahasa sasaran dan tahap keterbacaan tinggi (*readability*) dalam erti kata leksikal tersebut dapat dapat dibaca, dihadam sepenuhnya dan difahami. Namun melalui parameter yang sama padanan terjemahan ضرار dalam edisi PNS dan PCK walaupun memadai tetapi masih belum jelas atau kabur. Justeru terjemahan ini boleh dikategorikan sebagai salah terjemahan ketaksaan (*ambiguity*) dari segi makna kerana boleh menimbulkan kekaburan makna.



Hal yang sama berlaku dalam edisi PJ di mana padanan yang dikemukakan untuk kedua-dua leksikal tersebut berpandukan kepada parameter kualiti terjemahan aspek ketepatan (*accuracy*) dan keberterimaan (*acceptability*) adalah tidak memadai dan kabur. Hal ini kerana padanan tersebut seolah-olah menggambarkan tiada perbezaan di antara kedua-dua leksikal tersebut. Justeru terjemahan ini boleh dikategorikan sebagai salah terjemahan yang kurang (*undertranslation*), iaitu terjemahan yang tidak dapat menyampaikan makna teks bahasa sasaran itu sepenuhnya.

Sampel ٦

إن كان في شيء من أدويتكم خير... كية بنار

Terjemahan PJ: Jika terdapat yang lebih baik pada mana-mana ubat-ubatan kamu maka antaranya dibakar dengan api.

Terjemahan PNS: Jika terdapat sesuatu yang lebih baik pada mana-mana dari ubat-ubatan kamu maka antaranya dinyalakan dengan api.

Terjemahan PCK: Jika terdapat sesuatu yang lebih baik pada mana-mana dari ubat-ubatan kamu maka antaranya dinyalakan dengan api.

Penilaian:

Melalui parameter kualiti dan ketepatan penyampaian maksud padanan terjemahan كية dalam edisi PNS, PJ dan PCK dari sudut keberterimaan (*acceptability*) dalam erti kata leksikal tersebut dihidangkan kepada pembaca sasaran sesuai dengan dengan kaedah bahasa, resam dan budaya yang berlaku dalam bahasa sasaran dan tahap keterbacaan tinggi dan tahap keterbacaan tinggi (*readability*) dalam erti kata leksikal tersebut dapat dapat dibaca, dihadap sepenuhnya dan difahami adalah memuaskan. Namun dari sudut ketepatan terjemahan (*accuracy*) dalam erti kata leksikal tersebut mempunyai makna atau pesan yang sama dengan teks bahasa sumber boleh dipertikaikan kerana rawatan menggunakan *Kayy* (*cauterization*) melecurkan tempat yang sakit menggunakan tenaga panas bukan dengan nyalaan api yang sedang terbakar. Justeru terjemahan ketiga-tiga edisi ini boleh dikategorikan sebagai terjemahan yang melampau (*overtranslation*) kerana memberikan gambaran yang agresif sehingga terkeluar dari makna asal.

Sampel 7

من سأل الناس ليثري به ماله كان خموشا في وجهه إلى يوم القيامة

Terjemahan PJ: Sesiapa yang mengemis kepada manusia untuk memperbanyakkan hartanya maka perbuatan itu akan menjadi guratan hitam diwajahnya sampai hari kiamat.

Terjemahan PNS: Barangsiapa yang meminta-minta manusia untuk menambah kekayaan hartanya samalah seperti dia mencakar mukanya hingga ke hari kiamat.

Terjemahan PCK: Barangsiapa yang meminta-minta manusia untuk menambah kekayaan hartanya samalah seperti dia mencakar mukanya hingga ke hari kiamat.

Penilaian:

Melalui parameter kualiti dan ketepatan penyampaian maksud padanan terjemahan خموش dalam edisi PNS dan PCK aspek terjemahan adalah tepat dan menepati piawaan terjemahan berkualiti seperti yang dicadangkan Nababan (2012) bermula daripada ketepatan (*accuracy*) dalam erti kata leksikal tersebut mempunyai makna atau pesan yang sama dengan teks bahasa sumber, keberterimaan (*acceptability*) dalam erti kata leksikal tersebut dihidangkan kepada pembaca sasaran sesuai dengan dengan kaedah bahasa, resam dan budaya yang berlaku dalam bahasa sasaran dan tahap keterbacaan tinggi (*readability*) dalam erti kata leksikal tersebut dapat dapat dibaca, dihadap sepenuhnya dan difahami. Justeru terjemahan leksikal خموش kepada mencakat adalah tepat dan memadai. Namun demikian, terjemahan PJ agak janggal daripada maksud yang ingin disampaikan kepada pembaca sasaran kerana perkataan tersebut boleh menimbulkan keraguan kepada pembaca. Keraguan tersebut mungkin timbul dalam bentuk persoalan apakah yang dimaksudkan dengan perkataan guratan?. Ini kerana perkataan guratan merujuk Kamus Besar Indonesia edisi online di <https://kbbi.web.id/punuk> bermaksud gores yang dalam. Justeru padanan tersebut cenderung kepada bahasa Indonesia walaupun membawa maksud yang sama secara tidak langsung, makna perkataan tersebut kurang sampai kepada maksud kepada pembaca sasaran di Malaysia. Oleh itu, dari sudut parameter kualiti terjemahan tahap keterbacaan tinggi (*readability*) dan keberterimaan (*acceptability*) boleh dipersoalkan



kerana makna perkataan tersebut kurang sampai kepada maksud. Melalui parameter ketepatan penyampaian maksud KNP guratan dalam cetakan PJ boleh dikategorikan sebagai salah terjemahan yang kurang (*undertranslation*), iaitu terjemahan yang tidak dapat menyampaikan makna teks bahasa sasaran itu sepenuhnya.

Sampel 8

إنا نصيد الصيد فلا نجد سكيناً إلا الظرار أو شقة العصا

Terjemahan PJ: Kami selalu berburu binatang sedangkan kami tidak mempunyai pisau selain daripada batu atau belahan rotan.

Terjemahan PNS: Kami selalu berburu binatang dan kami tidak mempunyai pisau selain daripada batu atau batang buluh tajam.

Terjemahan PCK: Kami selalu berburu binatang dan kami tidak mempunyai pisau selain daripada batu atau batang buluh tajam.

Penilaian:

Melalui parameter kualiti dan ketepatan penyampaian maksud padanan terjemahan شقة العصا dalam edisi PNS dan PCK aspek terjemahan adalah tepat dan menepati piawaan terjemahan berkualiti seperti yang dicadangkan Nababan (2012) bermula daripada ketepatan (*accuracy*) dalam erti kata leksikal tersebut mempunyai makna atau pesan yang sama dengan teks bahasa sumber, keberterimaan (*acceptability*) dalam erti kata leksikal tersebut dihidangkan kepada pembaca sasaran sesuai dengan dengan kaedah bahasa, resam dan budaya yang berlaku dalam bahasa sasaran dan tahap keterbacaan tinggi (*readability*) dalam erti kata leksikal tersebut dapat dapat dibaca, dihadap sepenuhnya dan difahami. Justeru terjemahan leksikal kepada batang buluh tajam adalah tepat dan memadai. Namun demikian, terjemahan edisi PJ dari aspek ketepatan (*accuracy*) agak longgar dan kurang tepat serta agak kabur. Kekaburan yang dimaksudkan ialah leksikal rotan tidak dapat ditemui di negara Arab dan rotan biasanya dijadikan perangkap untuk berburu bukan sebagai alat yang boleh diruncingkan untuk membunuh binatang buruan. Justeru, terjemahan seperti ini boleh dikategorikan sebagai salah terjemahan ketaksaan (*ambiguity*) dari segi makna kerana boleh menimbulkan kekaburan makna.

Sampel 9

أذن الرسول صلى الله عليه وسلم لعائشة أن تنظر إلى الحبشة وهم يلعبون بجرابهم

Terjemahan PJ: Rasulullah membenarkan Aishah melihat kepada orang-orang Habsyi yang menari-nari dengan perang-perangan.

Terjemahan PNS: Rasulullah telah membenarkan Aishah melihat kepada orang-orang Habsyi yang menari-nari dengan pedang-pedang bengkok.

Terjemahan PCK: Rasulullah telah membenarkan Aishah melihat kepada orang-orang Habsyi yang menari-nari dengan pedang-pedang bengkok.

Penilaian:

Melalui parameter kualiti dan ketepatan penyampaian maksud padanan terjemahan perkataan حراب dalam ketiga-tiga edisi PNS, PJ dan PCK dari aspek padanan terjemahan adalah tidak menepati piawaan terjemahan berkualiti seperti yang dicadangkan Nababan (2012) dari sudut ketepatan (*accuracy*) dan keberterimaan (*acceptability*). Pada pengkaji kekurangan yang berlaku disebabkan objek yang disepadankan dengan leksikal حراب adalah tidak tepat sama sekali walaupun nampak mirip dalam edisi PNS dan PCK. Hal yang sama berlaku dalam edisi PJ di mana padanan yang dikemukakan jauh menyimpang daripada maksud asal. Justeru terjemahan ini boleh dikategorikan sebagai salah terjemahan (*mistranslation*), iaitu terjemahan yang berbeza dari makna asal dalam teks bahasa sumber. Hal ini kerana leksikal حراب merujuk kepada besi runcing yang dijadikan senjata untuk diletakkan di bilah kayu panjang (lembing) dan seumpamanya.

Sampel 10

أو ليكونن أهون على الله من الجعل

Terjemahan PJ: Jika tidak mereka akan menjadi lebih hina daripada kumbang.



Terjemahan PNS: Kalau tidak mereka akan menjadi lebih hina daripada lipas.

Terjemahan PCK: Kalau tidak mereka akan menjadi lebih hina daripada lipas.

Penilaian:

Melalui parameter kualiti dan ketepatan penyampaian maksud padanan terjemahan الجُعل dalam edisi PJ dari aspek terjemahan adalah tepat dan menepati piawaian terjemahan berkualiti seperti yang dicadangkan Nababan (2012) bermula daripada ketepatan (*accuracy*) dalam erti kata leksikel tersebut mempunyai makna atau pesan yang sama dengan teks bahasa sumber, keberterimaan (*acceptability*) dalam erti kata leksikel tersebut dihidangkan kepada pembaca sasaran sesuai dengan dengan kaedah bahasa, resam dan budaya yang berlaku dalam bahasa sasaran dan tahap keterbacaan tinggi (*readability*) dalam erti kata leksikel tersebut dapat dapat dibaca, dihadap sepenuhnya dan difahami. Justeru terjemahan leksikel kepada kumbang adalah tepat dan memadai. Namun demikian, terjemahan edisi PNS dan PCK dari aspek ketepatan (*accuracy*) agak longgar dan tidak tepat. Justeru terjemahan ini boleh dikategorikan sebagai salah terjemahan (*mistranslation*), iaitu terjemahan yang berbeza dari makna asal dalam teks bahasa sumber atau kekurangan disebabkan dengan kecuaiannya tanpa menterjemah ayat, frasa atau perkataan.

Berdasarkan kepada analisis penilaian huraian sampel yang dikemukakan didapati bahawa teori semantik komunikatif secara umumnya telah diterapkan dalam ketiga-tiga edisi terjemahan buku *al-Halal wa al-Haram fi al-Islam* khususnya dalam terjemahan hadis. Namun hasil daripada lapan korpus data terjemahan kata nama khas hadis-hadis terpilih melalui parameter ketepatan penyampaian dapat dipastikan beberapa terjemahan yang salah dan kurang tepat berlaku dalam ketiga-tiga produk terjemahan tersebut. Dari segi terjemahan yang tidak tepat (*mistranslation*) 7.5% berlaku pada Percetakan Jahabersa, 15% berlaku pada Pustaka Nasional dan Pustaka Cahaya Kasturi manakala dari sudut terjemahan kurang (*undertranslation*) 30% berlaku pada Percetakan Jahabersa dan kurang 10% berlaku pada pada Pustaka Nasional dan Pustaka Cahaya Kasturi. Hasil penelitian ini menyimpulkan hasil terjemahan ketiga-tiga syarikat percetakan tersebut memiliki beberapa kekurangan yang boleh dipertingkatkan lagi agar mudah difahami dan dikuasai dengan lebih berkesan tanpa sebarang kecacatan yang ketara.

11. Rumusan

Terjemahan berorientasikan pendekatan semantik komunikatif ialah pendekatan yang dekat dan sesuai serta saling lengkap melengkapi untuk diaplikasikan bagi teks agama seperti hadis kerana memelihara ciri-ciri khusus teks tersebut. Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa pendekatan semantik komunikatif merupakan suatu konsep umum yang boleh dipegang oleh seorang penterjemah untuk mencapai maksud tertentu dalam kerja-kerja penterjemahan. Ia juga boleh dianggap suatu ideologi yang dapat membantu pengkaji untuk melihat kecenderongan penterjemah membuat suatu keputusan. Justeru, bertitik tolak daripada salah faham terhadap makna perkataan kata nama khas secara khusus dan kategori-kategori lain secara umum penjelasan suatu maksud hadis mestilah bersandarkan kepada tafsiran tokoh-tokoh muktabar dan diolah maksud tersebut mengambil kira kepada kesesuaian pembaca sasaran dengan mengutamakan ilai estetika teks bahasa sumber disamping laras bahasa yang mudah difahami dengan jelas serta tiada sebarang unsur kesamaran dan kesulitan.

12. Rujukan

- Abu Jabir. 2009. *al-Halal wa al-Haram Fi al-Islam*-terjemahan- Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru.
- Abdul Muiz Ahmad & Taj Rijal Muhamad Romli. 2020. Metode Terjemahan Teks Bab Solat Dalam Kitab Bahrul Mazi. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language (IJHPL)* 3 (9): 14-23.
- Ahmad bin °Ali bin Hajar al-°Asqalani (1427) *Nuzhah al-Nazar Sharh Nukhbah al-Fikar*, tahqiq °Ali bin Hasan, Dar Ibn al-Jawzi.
- Ainon Mohamad. 1979. *Pengantar terjemahan: teori dan latihan praktikal*. Kuala Lumpur: Penerbit Adabi.
- Al-Jurjaniy, °Ali bin Hamad. *Al-Ta°rifat*. 1984. Beirut: Dar al-Kutub al-°Ilmiyyah.
- Baharudin Shahman. 2012. *Analisis Kontrastif Struktur Asas Ayat Bahasa Arab Dan Melayu*. Disertasi M.A, fakulti Bahasa & Linguistik, Universiti Malaya.



Published biannually by:
HADITH AND AQIDAH RESEARCH INSTITUTE (INHAD),
Selangor International Islamic University College (KUIS)
Email: jurnalhadis@kuis.edu.my
Web: www.journal.kuis.edu.my/hadis/
Bandar Seri Putra, 43600, Bangi, Selangor (Darul Ehsan) Malaysia.
Tel: 03-8911 7000 Ext: 6129/6130, Fax: 03-8926 6279
Vol. 13, No. 24 (Month 2022)

- Creswell, J.W. 2013. *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches*. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Haziyah Hussin & Muhammad Hadi Moin bin Abdul Latiff. 2020. Perkembangan Penterjemahan *al-Quran di Malaysia pada Abad 21. Prosiding Persidangan Antarabangsa THIQAH ke-2 2020*, hlm. 267-280.
- Kardimin. 2013. Problematika Penterjemahan Teks Bernuasa Keagamaan. *INSYIRAH, Jurnal Ilmu Bahasa Arab dan Studi Islam* 1 (2): 2-26.
- Khairul Anhar, M. Husnan Lubis & Rahimah. 2020. Analisis Kesalahan Terjemahan Hadis-Hadis Kitab al-Jami' di dalam Bulughul Maram Karya Moh. Machfuddin Aladip. *Jurnal Arabiyatuna* 4 (2): 348-368.
- Larson, Mildred L. 1984. *Meaning Based Translation: A Guide to Cross Language Equivalence*. Boston: University Press of America.
- Mohd. Fahimi Zakaria. 2020. Kaedah Terjemahan Kata Kerja dalam al-Quran: Analisis surah al-Baqarah dalam Tafsir Nur al-Ihsan. *Journal of Contemporary Islamic Studies JCIS Online* (3):132-150.
- Mohd Manawi .2018. *Konsep Jiwa Menurut Fakhr al-Din al-Razi: Terjemahan dan Analisis Kitab al-Nafs wa al-Ruh wa Sharh Quwamuha*. Tesis Dr. Falsafah, fakulti Bahasa & Linguistik, Universiti Malaya.
- Mohd. Mokhtar Ahmad & Basil Wijasuriya. 1982. Masalah dan Kesalahan di dalam Penterjemahan. Dlm. Abdullah Hassan, Hasnah Ibrahim & Mashudi Kader (pnyt), *Kesalahan Bahasa Dalam Bahasa Malaysia* , hlm. 385-422. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nababan, M. R. 2012. Pengembangan Model Penilaian Kualitas Terjemahan. *Jurnal Kajian Linguistik dan Sastra* 24: 39-57.
- Nor Huwaida Mohd Hasan, Taj Rijal Muhamad Ramli & Muhammad Nuqman Basir. 2020. Analisis Terjemahan Kata Nama Khas Melayu -Arab Dalam Novel al-Ustaz. *Jurnal MJSSH Online* 4 (3):135-143.
- Newmark, Peter. 1988. *A Text Book of Translation*. London: Prentice Hall International.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Hj Musa & Abdul Hamid Mahmood. 2002. *Tatabahasa Dewan Edisi Baharu*. Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur.
- Sahrulazmi Sidek. 2015. *Penterjemahan Kata Nama Khas Tempat Dalam Buku Pengembaraan Ibn Battutah*. Tesis Dr. Falsafah, Fakulti Bahasa Moden & Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.
- Sarinah Sharif. 2001. *Padanan Terjemahan Kata Nama: Kes Daripada Dua Buah Novel Jepun. Disertasi Sarjana*. Universiti Malaya.
- Syed Ahmad Sumait. 2014. *al-Halal wa al-Haram Fi al-Islam -terjemahan-* Pustaka Nasional Singapore.
- Tammam Hassan. 1985. *Al-Lughah al-^oArabiyyah Ma^onaha wa Mabnaha*. Mesir : al-Hay'ah al-Misriyyah al-^oAmmah li al-Kitāb.
- Zulkifli al-Bakri. 2014. *al-Halal wa al-Haram Fi al-Islam -terjemahan-* Pustaka Cahaya Kasturi, Nilai, Negeri Sembilan.